



**DRAF**  
29/4/2011

**garis panduan perancangan pemuliharaan  
dan pembangunan KSAS**

**Hutan Simpan Kekal**





garis panduan perancangan pemuliharaan  
dan pembangunan KSAS

## Hutan Simpan Kekal



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
2010

**Cetakan Pertama 2010**

® Hakcipta

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,  
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun  
dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara  
elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis  
daripada Penerbit terlebih dahulu.

**978-983-2773-98-6**

Diterbitkan di Malaysia  
oleh

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tel: 03-2081 6000  
Faks: 03-2094 1170

## **Pemberitahuan**

GP ini mengandungi 10 GP yang perlu dibaca secara bersama iaitu-

- Kawasan Pesisiran Pantai;
- Dataran Banjir, Tanah Lembap, Bekas Lombong, Tasik Dan Sungai;
- Tadahan Air dan Sumber Air Tanah;
- Simpanan Mineral dan Bencana Geologi;
- Bekas dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal dan Sisa Toksid;
- Pertanian Makanan;
- Warisan Semulajadi dan Antikuiti;
- Rizab Hidupan Liar;
- Hutan Simpan Kekal; dan
- Bukit dan Tanah Tinggi.

GP ini hendaklah dibaca bersama undang-undang, dasar Persekutuan dan Negeri, serta GP Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2009 dan MNKT Ke 62 pada 17 September 2009, serta lain-lain keperluan pelbagai agensi teknikal berkaitan.

GP ini juga disediakan untuk menyokong GP sedia ada jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.

29 April 2011

## **ISI KANDUNGAN**

<b>1.</b>	<b>SKOP</b>	<b>1</b>
1.1	Definisi Hutan Simpan Kekal	1
1.2	Hutan Simpan Kekal dalam Konteks KSAS	3
1.3	Kategori Hutan Simpan Kekal	3
<b>2.</b>	<b>PRINSIP-PRINSIP UMUM PEMELIHARAAN DAN PEMBANGUNAN HUTAN SIMPAN KEKAL</b>	<b>4</b>
2.1	Peruntukan Kawasan Hutan Simpan Kekal Yang Mencukupi	4
2.2	Pengurusan Hutan Simpan Kekal Dengan Berkesan	4
2.3	Pelaksanaan Program Pembangunan Hutan Yang Berperancangan	4
2.4	Memaksimumkan Penghasilan Hutan	4
2.5	Menyokong Penyelidikan Dalam Perhutanan	4
2.6	Pelindungan Kepelbagaian Biologi Hutan	5
2.7	Mematuhi Dasar Dan Aspek Perundangan	5
<b>3.</b>	<b>DASAR DAN PERUNDANGAN SEMASA</b>	<b>6</b>
3.1	Dasar Sedia Ada	6
3.2	Akta / Perundangan Berkaitan	6
<b>4.</b>	<b>GARIS PANDUAN UMUM</b>	<b>7</b>
4.1	Kawasan Hutan Simpan Kekal	7
4.2	Zon Penampian	7
<b>5.</b>	<b>GARIS PANDUAN KHUSUS PEMULIHARAAN</b>	<b>8</b>
5.1	Garis Panduan Khusus Pembangunan	8

### **SENARAI JADUAL**

Jadual 1 :	Kepentingan Hutan Simpan Kekal Sebagai KSAS	3
------------	--	---

### **SENARAI RAJAH**

Rajah 1 :	Jenis-jenis hutan Mengikut Ketinggian	2
-----------	---------------------------------------	---

### **SENARAI FOTO**

Foto 1:	Hutan Simpan merupakan kawasan yang berkepentingan dan bernilai tinggi dari segi kepelbagaian biologi	1
Foto 2:	Pemandangan yang cantik dan hijau dari kawasan hutan menjadi sumber inspirasi kepada manusia	3





# GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KSAS HUTAN SIMPAN KEKAL

## 1. SKOP

### 1.1 Definisi Hutan Simpan Kekal

Di bawah Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992), Hutan Simpan Kekal perlu diurus dan dikelaskan di bawah empat fungsi utama seperti berikut:

Perkara	Definisi
Hutan Perlindungan	Berfungsi sebagai kawasan sumber air, mengurangkan kerosakan disebabkan banjir, hakisan sungai dan tanah-tanah pertanian.
Hutan Berhasil/ Pengeluaran	Berfungsi sebagai bekalan yang berpanjangan bagi semua bentuk keluaran hutan yang dihasilkan secara ekonomik bagi memenuhi kehendak domestik dan pengeksporan.
Hutan Lipur	Berfungsi sebagai kawasan rekreasi eko pelancongan dan menggalakkan pengetahuan awam mengenai kepentingan kawasan hutan.
Hutan Penyelidikan dan Pendidikan	Berfungsi sebagai kawasan kajian penyelidikan, pendidikan serta pemeliharaan kepelbagaian hayat.

Meliputi jenis hutan mengikut ketinggian iaitu-


- Hutan Ericaceous - Gunung (> 1500 meter);
- Hutan Montane - Oak (1200-1500 meter);
- Hutan Dipterocarp Atas (750-1200 meter);
- Hutan Dipterocarp Bukit (300-750 meter);
- Hutan Dipterocarp Pamah (<300 meter);
- Hutan Paya Gambut (<300 meter); dan
- Hutan Paya Laut (<300 meter).



Foto 1: Hutan simpan merupakan kawasan yang berkepentingan dan bernilai tinggi dari segi kepelbagaian biologi.

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KSAS HUTAN SIMPAN KEKAL

Rajah 1 : Jenis-jenis Hutan Mengikut Ketinggian



Nota: Bagi kawasan luar Kawasan Pengurusan Khas (SMA) yang berketinggian melebihi 300 m, sebarang aktiviti pembangunan dan pertanian tidak dibenarkan di kawasan ini. Pengusahaan hutan secara mampan dan aktiviti ekopelancongan berimpak rendah boleh dipertimbangkan mengikut tahap kesensitifan yang ditentukan di peringkat tempatan.

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KSAS HUTAN SIMPAN KEKAL

### 1.2 Hutan Simpan Kekal dalam Konteks KSAS

Keluasan kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia ialah 45% (5.92 juta hektar) daripada jumlah keluasan tanah di Semenanjung Malaysia iaitu 13.25 juta hektar. Dari 5.92 juta hektar tersebut, seluas 4.84 juta hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal. Hutan Simpan Kekal merupakan kawasan yang berkepentingan dan bernilai tinggi dari segi kepelbagaian biologi. Kawasan ini merupakan habitat fauna dan flora yang khas.

### 1.3 Kategori Hutan Simpan Kekal

Fungsi utama hutan simpan kekal boleh dikategorikan sebagai KSAS bernilai warisan, bernilai sokongan hidup, dan bernilai bencana seperti mana yang dinyatakan di dalam Jadual 1.

**Jadual 1 : Kepentingan Hutan Simpan Kekal Sebagai KSAS**

KSAS Bernilai Warisan	KSAS Bernilai Sokongan Hidup	KSAS Bernilai Bencana
Fungsi Utama	Fungsi Utama	Fungsi Utama
Berfungsi mengekalkan kepelbagaian biologi sesuatu kawasan.	Berfungsi mengawal air larian yang berlebihan dan berkeupayaan untuk menakung air.	Berfungsi sebagai tempat pelimpahan karbon dan juga membantu di dalam penciptaan karbon.



Foto 2: Pemandangan yang cantik dan hijau dari kawasan hutan menjadi sumber inspirasi kepada manusia.

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KSAS HUTAN SIMPAN KEKAL

### 2. PRINSIP-PRINSIP UMUM PEMELIHARAAN DAN PEMBANGUNAN HUTAN SIMPAN KEKAL

- Pemeliharaan dan pembangunan hutan hendaklah berdasarkan **Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992)**.
- Mengisytiharkan sebagai hutan simpanan kekal kawasan-kawasan yang mencukupi dan strategik di seluruh negara, berasaskan kepada konsep penggunaan tanah yang rasional.

#### 2.1 Peruntukan Kawasan Hutan Simpan yang Cukup

Memperuntukkan kawasan hutan simpan kekal yang mencukupi di kawasan yang strategik di seluruh negara bersesuaian dengan konsep penggunaan tanah yang rasional.

#### 2.2 Pengurusan Hutan Simpan Kekal dengan Berkesan

Menguruskan hutan simpan kekal dengan memaksimumkan faedah-faedah sosial dan alam sekitar bersesuaian dengan prinsip-prinsip pengurusan berkekalan.

### 2.3 Pelaksanaan Program Pembangunan Hutan Yang Berperancangan

Melaksanakan program pembangunan hutan yang terancang melalui operasi pemeliharaan dan pemulihan hutan berasaskan amalan-amalan silvikultur yang sesuai.

### 2.4 Memaksimumkan Penghasilan Hutan

- Menggalakkan penghasilan serta penggunaan yang cekap dari kawasan hutan berhasil untuk faedah ekonomi yang maksimum bagi semua jenis keluaran hutan.
- Menggalakkan pembangunan perindustrian hutan sesuai dengan aliran sumber dan peluang pekerjaan.
- Mewujudkan ladang hutan dari spesies-spesies tempatan dan luar negeri bagi menampung bekalan kayu dari hasil hutan asli.

### 2.5 Menyokong Penyelidikan dalam Perhutanan

- Mengendali dan menyokong program-program penyelidikan yang intensif dalam bidang perhutanan dan keluaran hutan bertujuan untuk meningkatkan faedah-faedah hutan secara maksimum.

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KSAS HUTAN SIMPAN KEKAL

- Menggalakkan pendidikan dalam perhutanan dan pengendalian perkhidmatan publisiti dan pengembangan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap pelbagai faedah hutan.

### 2.6 Pelindungan Kepelbagaian Biologi Hutan

Memberi perlindungan kepada kepelbagaian biologi dan pengekalan kawasan yang mempunyai spesies flora dan fauna yang unik.

### 2.7 Mematuhi Dasar dan Aspek Perundangan

Mematuhi Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992).

## DASAR DAN PERUNDANGAN SEMASA

### 3.1 Dasar Sedia Ada

Dasar	Aspek Ditekankan
<b>Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992)</b>	<p>Hutan simpanan kekal perlu diurus dan dikelaskan di bawah empat fungsi utama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Hutan Perlindungan</b> Berfungsi sebagai kawasan sumber air, mengurangkan kerosakan disebabkan banjir, hakisan sungai dan tanah-tanah pertanian.</li> <li>• <b>Hutan Berhasil / Pengeluaran</b> Berfungsi sebagai bekalan yang berpanjangan bagi semua bentuk keluaran hutan yang dihasilkan secara ekonomik bagi memenuhi kehendak domestik dan pengeksportan.</li> <li>• <b>Hutan Lipur</b> Berfungsi sebagai kawasan rekreasi ekopelancongan dan menggalakkan pengetahuan awam mengenai kepentingan kawasan hutan.</li> <li>• <b>Hutan Penyelidikan dan Pendidikan</b> Berfungsi sebagai kawasan kajian penyelidikan, pendidikan serta pemeliharaan kepelbagaian hayat.</li> </ul>

## GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KSAS HUTAN SIMPAN KEKAL

### 3.2 Akta / Perundangan Berkaitan

Akta / Undang-Undang	Agensi
<b>Perlembagaan Persekutuan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Negeri (PBN)</li> </ul>
<b>Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perhutanan</li> </ul>
<b>Kanun Tanah Negara 1965</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>KPTG</li> <li>Pejabat Tanah dan Galian</li> </ul>
<b>Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 1985</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Alam Sekitar</li> </ul>
<b>Akta Orang Asli 1954</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Hal Ehwal Orang Asli</li> <li>Jabatan Tanah dan Galian</li> </ul>
<b>Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PERHILITAN</li> </ul>
<b>Akta Taman Negara 1980</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perhutanan</li> <li>PERHILITAN</li> </ul>
<b>Enakmen Bekalan Air 1920</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Berkuasa Negeri (PBN)</li> </ul>
<b>Enakmen Perlombongan 1929</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)</li> </ul>
<b>Akta Kerajaan Tempatan 1976</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PBPT</li> </ul>
<b>Akta Jalan, Perparitan dan Bangunan 1974</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PBPT</li> </ul>
<b>Akta Pemuliharaan Tanah 1960</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>KPTG</li> <li>PTG</li> </ul>

### GARIS PANDUAN UMUM

GP umum hutan simpan kekal adalah seperti berikut:

#### 4.1 Kawasan Hutan Simpan Kekal

- Hutan Simpan Kekal yang mencukupi perlu ditentukan dan hakmiliknya terjamin. Kawasan yang dikenalpasti tersebut mestilah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal dan tidak boleh dikeluarkan kecuali di dalam sesuatu keadaan yang tersangat istimewa. Semua kawasan yang telah dikeluarkan hendaklah digantikan sepertimana yang tercatat dalam Akta Perhutanan Negara, 1984.
- Langkah-langkah perlu diambil untuk menambah kawasan Hutan Simpan Kekal dengan mengambilkira kawasan lain seperti tanah terbiar, tanah kerajaan, tanah bercerun dan tanah-tanah lain yang tidak subur.
- Semua kawasan hutan perlu diwartakan sebagai kawasan Hutan Simpan Kekal.
- Zon-zon khas ditentukan untuk mengurangkan percanggahan penggunaan tanah.

## **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KSAS HUTAN SIMPAN KEKAL**

---

- Hutan Simpan Kekal dikelaskan mengikut kecerunan yang merangkumi salah satu atau lebih daripada kelas-kelas fungsinya.
- Semua ekosistem hutan di persisiran pantai perlu dipelihara selaras dengan Prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.
- Sebarang pembalakan tidak dibenarkan di kawasan tanah tinggi yang melebihi ketinggian 1000 meter dari atas paras laut atau mempunyai kecerunan melebihi 35 darjah.
- Kawasan hidupan liar yang mempunyai jaringan koridor yang berkesinambungan perlu dikekalkan.

### **4.2 Zon Penampian**

- Zon penampian selebar 50 meter hendaklah disediakan di sekeliling kawasan Hutan Simpan Kekal.
- Pembangunan bangunan kekal serta penanaman tanaman pemakanan dan penternakan haiwan tidak dibenarkan.

## 5. GARIS PANDUAN KHUSUS PEMULIHARAAN

### 5.1 Garis Panduan Khusus Pembangunan

KSAS/ Kategori	Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan (Rujuk Kod Guna tanah)	Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
Hutan Ericaceous - Gunung (>1500 meter)	1	Pemuliharaan kawasan hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ekopelancongan</li> <li>• Tadahan air</li> <li>• Rizab hidupan liar</li> <li>• Penyelidikan</li> </ul>	Tiada	Tiada sebarang aktiviti dibenarkan kecuali <b>aktiviti yang dibenarkan dengan syarat.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada penukaran penggunaan tanah selain perhutanan.</li> <li>• Kerja-kerja awam untuk infrastruktur aktiviti ekopelancongan hendaklah terhad kepada spesifikasi yang ditetapkan dalam panduan "Forest Recreation Facilities – A Guide" dan juga "Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia" oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.</li> <li>• Rujuk GP Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, KPKT (2009).</li> </ul>
Hutan Montane - Oak (1200-1500 meter)	1 & 2	Pemuliharaan kawasan hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ekopelancongan</li> <li>• Tadahan air</li> <li>• Rizab Hidupan Liar</li> <li>• Penyelidikan &amp; Pendidikan</li> <li>• Penempatan orang asli (di mana berkenaan)</li> </ul>	Tiada	Tiada sebarang aktiviti dibenarkan kecuali <b>aktiviti yang dibenarkan dengan syarat.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada penukaran penggunaan tanah selain perhutanan</li> <li>• Kerja-kerja awam untuk infrastruktur aktiviti ekopelancongan hendaklah terhad kepada spesifikasi yang ditetapkan dalam panduan "Forest Recreation Facilities – A Guide" dan juga "Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia" oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.</li> <li>• Rujuk GP Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, KPKT (2009).</li> </ul>



KSAS/ Kategori	Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan (Rujuk Kod Guna tanah)	Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
Hutan Dipterocarp Bukit (300-750 meter)	3	Pemuliharaan kawasan hutan dan sekitarnya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ekopelancongan</li> <li>• Hidupan Liar</li> <li>• Penyelidikan &amp; Pendidikan</li> <li>• Pengusahasilan</li> <li>• Penempatan orang asli</li> <li>• Perlindungan</li> <li>• Perikanan</li> <li>• Pencerapan flora dan fauna</li> </ul>	Tiada	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembuangan sampah</li> <li>2. Pelepasan kumbahan</li> <li>3. Industri</li> <li>4. Perumahan</li> <li>5. Pemusnahan hutan bakau</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada penukaran penggunaan tanah selain perhutanan.</li> <li>• Menyediakan zon penampakan (<i>buffer strips</i>) 50 meter ke arah laut dan di sepanjang badan air (lebar di antara 5 meter-50 meter bergantung kepada lebar laluan air)</li> <li>• Tiada pembalakan dibenarkan di kawasan berkecerunan melebihi 35 darjah atau zon penampakan.</li> <li>• Jalan hutan hanya boleh dibina dengan sekurang-kurangnya 20 meter jarak dari kawasan aliran air tetap dan berpandukan "Spesifikasi Jalan-jalan Hutan untuk Semenanjung Malaysia" oleh Jabatan Perhutanan.</li> <li>• Pembinaan jalan tidak melebihi 4 meter lebar dengan kepadatan tidak melebihi 40 meter/ha. (<i>minimum road density</i>).</li> <li>• Tidak dibenarkan membina jalan di cerun yang melebihi 25 peratus. Sekiranya tidak dapat dielakkan, kerja-kerja pengawalan hakisan perlu dijalankan seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan.</li> <li>• Mengekalkan tumbuhan semula jadi di kawasan penampakan sepanjang sungai (kelebaran 50 meter dan juga di kawasan yang tidak sesuai untuk kegunaan yang ditentukan).</li> <li>• Pengekalan garis hutan di sempadan kawasan lapangan hutan (<i>retention of forest margin at forest field boundary</i>).</li> </ul>

KSAS/ kategori	Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan (Rujuk Kod Guna tanah)	Aktiviti Dibenarkan dengan syarat		Aktiviti tidak dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
						<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua jenis pembangunan mestilah terletak 60 meter dari garis kawasan hutan dan hendaklah mengekalkan tumbuhan semula jadi di zon penamparan dalam lingkungan 30 meter dari paras air pasang/tinggi.</li> <li>• Laluan akses ke kawasan hutan bakau tidak melebihi 4.5 meter.</li> <li>• Lebar laluan pejalan kaki hanya 1-2 meter sahaja dibenarkan.</li> <li>• Hanya bot-bot kecil boleh digunakan untuk membawa pelancong (kurang daripada 5 kuasa kuda).</li> </ul> <p>Kerja-kerja awam untuk infrastruktur aktiviti ekopelancongan hendaklah terhad kepada spesifikasi yang ditetapkan dalam panduan "<i>Forest Recreation Facilities - A Guide</i>" dan juga "Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia" oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan."</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk GP Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, KPKT (2009).</li> </ul>

KSAS/ kategori	Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan (Rujuk Kod Guna tanah)	Aktiviti Dibenarkan dengan syarat		Aktiviti tidak dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
Hutan Dipterocarp Pamah (<300 meter);  Hutan Paya Gambut (<300 meter); dan  Hutan Paya Laut (<300 meter).	3	Pemuliharaan kawasan hutan dan sekitarnya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ekopelancongan</li> <li>• Hidupan Liar</li> <li>• Penyelidikan &amp; Pendidikan</li> <li>• Pengusahasilan</li> <li>• Penempatan orang asli</li> <li>• Perlindungan</li> <li>• Perikanan</li> <li>• Pencerapan flora dan fauna</li> </ul>	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembuangan sampah</li> <li>• Pelepasan kumbahan</li> <li>• Industri</li> <li>• Perumahan</li> <li>• Pemusnahan hutan bakau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada penukaran penggunaan tanah selain perhutanan.</li> <li>• Menyediakan zon penampakan (<i>buffer strips</i>) 50 meter ke arah laut dan di sepanjang badan air (lebar di antara 5 meter-50 meter bergantung kepada lebar laluan air).</li> <li>• Tiada pembalakan dibenarkan di kawasan berkecerunan melebihi 35 darjah atau zon penampakan.</li> <li>• Jalan hutan hanya boleh dibina dengan sekurang-kurangnya 20 meter jarak dari kawasan aliran air tetap dan berpandukan "Spesifikasi Jalan-jalan Hutan untuk Semenanjung Malaysia" oleh Jabatan Perhutanan.</li> <li>• Pembinaan jalan tidak melebihi 4 meter lebar dengan kepadatan tidak melebihi 40 meter/ha. (<i>minimum road density</i>)</li> <li>• Tidak dibenarkan membina jalan di cerun yang melebihi 25 peratus. Sekiranya tidak dapat dielakkan, kerja-kerja pengawalan hakisan perlu dijalankan seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan.</li> <li>• Mengekalkan tumbuhan semula jadi di kawasan penampakan sepanjang sungai (kelebaran 50 meter dan juga di kawasan yang tidak sesuai untuk kegunaan yang ditentukan.</li> <li>• Pengekalan garis hutan di sempadan kawasan lapangan hutan (<i>retention of forest margin at forest field boundary</i>).</li> <li>• Semua jenis pembangunan mestilah terletak 60 meter dari garis kawasan hutan dan hendaklah mengekalkan tumbuhan semula jadi di zon penampakan dalam lingkungan 30 meter dari paras air pasang/tinggi.</li> </ul>

KSAS/ Kategori	Tahap Kesensitifan	Aktiviti Dibenarkan (Rujuk Kod Guna tanah)	Aktiviti Dibenarkan Dengan Syarat		Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
						<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laluan akses ke kawasan hutan bakau tidak melebihi 4.5 meter.</li> <li>• Lebar laluan pejalan kaki hanya 1-2 meter sahaja dibenarkan.</li> <li>• Hanya bot-bot kecil boleh digunakan untuk membawa pelancong (kurang daripada 5 kuasa kuda).</li> <li>• Kerja-kerja awam untuk infrastruktur aktiviti ekopelancongan hendaklah terhad kepada spesifikasi yang ditetapkan dalam panduan "Forest Recreation Facilities - A Guide" dan juga "Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia" oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan."</li> <li>• Rujuk GP Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, KPKT (2009).</li> </ul>

(Sumber : Kajian KSAS 2004)

Nota : Tahap Kesensitifan :-

- 1 = Tiada Pembangunan Kecuali Aktiviti Penyelidikan
- 2 = Aktiviti Berimpak Rendah Dibenarkan Tanpa Pertukaran Guna Tanah
- 3 = Pembangunan Terkawal (Dengan Syarat-Syarat Tertentu)

**Sebarang pertanyaan sila hubungi:**

Pengarah  
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia

Tel: 03-2081 6000  
Faks: 03-2094 1180  
Email: [bpp@townplan.gov.my](mailto:bpp@townplan.gov.my)  
Laman web: <http://www.townplan.gov.my>



**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa**  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Jalan Chenderasari, 50646 Kuala Lumpur